

**KEBERKESANAN KAD IMBASAN BERGAMBAR DALAM
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA SUKU KATA
JAWI DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 SEKOLAH
KEBANGSAAN PARIT JAWA, MUAR, JOHOR**

ROSNAH BT YUNUS

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

**KEBERKESANAN KAD IMBASAN BERGAMBAR DALAM
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA SUKU KATA
JAWI DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 SEKOLAH
KEBANGSAAN PARIT JAWA, MUAR, JOHOR**

ROSNAH BT YUNUS
(No. Matrik : 1112769)

Laporan projek akademik ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada

syarat penganugerahan

IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH)

DENGAN KEPUJIAN

Fakulti Pengajian Bahasa Utama
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Nilai

JULAI 2016

PERAKUAN

“Saya akui laporan kajian ini adalah hasil kerja penyelidik sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tarikh : 15 Julai 2016

Tandatangan : _____

Nama : Rosnah bt Yunus

No. Matrik : 1112769

Alamat : No. 37, Jln Jauhari 2
Tmn Jauhari, Pt Tengah
84150 Pt Jawa,
Muar.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya kita masih mampu meneruskan kehidupan pada hari ini. Selawat dan salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada pensyarah pembimbing iaitu Dr. Adibah binti Sulaiman @ Mohamad yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan serta dorongan yang diberikan kepada saya dalam menyiapkan kajian ilmiah ini.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan yang saling membantu, memberi idea dan dorongan sehingga saya dapat menyiapkan tugas ini. Tidak dilupakan buat warga Sekolah Kebangsaan Parit Jawa, terima kasih atas atas pertolongan yang dihulurkan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Buat keluarga tersayang, terima kasih buat suami, Mohamad Khudzairi bin Md Zain dan putera tunggal, Mohamad Khairul Iman...Terima kasih atas kasih sayang serta sokongan dan dorongan kalian untuk menyiapkan tugas ini.

Semoga setiap kebaikan yang diberikan akan mendapat keberkatan dan rahmat dari Allah Taala.

Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia
2016

Rosnah bt Yunus

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kad imbasan bergambar dalam membantu meningkatkan kemahiran membaca suku kata Jawi. Kajian ini dijalankan terhadap enam orang murid Tahun 5 yang sangat lemah dalam kemahiran membaca suku kata Jawi. Sampel ini dipilih setelah ujian diagnostik dijalankan ke atas 24 orang murid tahun 5 Yakin di Sekolah Kebangsaan Parit Jawa, Muar. Kajian ini berbentuk kualitatif. Data kualitatif dikumpul melalui ujian diagnostik, pemerhatian, ujian pra dan ujian pos, serta temu bual. Sebelum sesi rawatan menggunakan kad imbasan bergambar, murid-murid diberi ujian sebelum tindakan (Pra-Test) untuk menentukan keupayaan mereka dalam membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi. Tingkah laku murid semasa sesi rawatan dicatatkan menggunakan kaedah pemerhatian lapangan. Ujian selepas tindakan (Post-Test) diberikan kepada responden selepas sesi rawatan berakhir untuk menentukan keupayaan responden dalam membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi. Temu bual dijalankan selepas proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan partisipan untuk mengumpul maklumat serta maklum balas daripada mereka setelah menggunakan kaedah kad imbasan bergambar. Segala data yang diperolehi dianalisis berasaskan kepada pendekatan analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kad imbasan bergambar berkesan dalam meningkatkan kemahiran membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi. Keputusan ujian selepas tindakan menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 83% setelah menggunakan kad imbasan bergambar. Begitu juga dengan motivasi dan keupayaan murid dalam membaca suku kata terbuka dan tertutup, ia juga meningkat berbanding sebelumnya.

ABSTRACT

The purpose of this research is to study the effectiveness of using flash cards in helping the pupils to read Jawi syllables. It is conducted on 6 Year-5 pupils who are weak in reading the close and open Jawi syllables. This sample is chosen after the diagnostic test is conducted on the pupils of 5 Yakin at Sekolah Kebangsaan Parit Jawa. This is a qualitative study, hence the qualitative data is collected through diagnostic test, observation, Pre-Test, Post-Test and also interviews. Before the intervention using the flash cards session started, the pupils are required to sit for a Pre-Test in order to determine their acquisition level in reading the open and close syllables in Jawi. During this session, their behaviours are observed and recorded. Post-test is given to them after the session ends to determine their level in reading the open and close syllables in Jawi. Interviews with the pupils are conducted after the teaching and learning sessions in the classroom in order to gather the data and feedbacks from them after using the flash cards in their learning sessions. The data is analyzed based on the content analysis. The data shows that the use of flash cards in classrooms is effective in improving the pupils' skill in reading the open and close Jawi syllables. The results show that there is an at least 83% of improvement of reading skill among the pupils after using the flash cards. The same applies to their acquisition and motivation in reading the close and open Jawi syllables.

KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Kerangka Konseptual Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Batasan/Limitasi Kajian	10
1.8 Definisi Operasional	11
1.9 Kesimpulan	12
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.0 Pendahuluan	13
2.2 Teori Yang Berkaitan	13
2.2.1 Teori Behaviorisme	13
2.2.2 Teori Perkembangan Kognitif	14
2.3 Kajian-Kajian yang Berkaitan	15
2.4 Kesimpulan	19
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pendahuluan	21
3.1 Reka Bentuk Kajian	20

3.2	Lokasi Kajian	21
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	21
3.4	Instrumen	21
3.4.1	Ujian Diagnostik	21
3.4.2	Borang Pemerhatian 1 Dan 2	22
3.4.3	Ujian Pra Dan Ujian Pos	23
3.4.4	Temu Bual	24
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	24
3.5.1	Ujian	24
3.5.2	Pemerhatian	25
3.5.3	Temu Bual	27
3.7	Analisis Data	27
3.8	Kesimpulan	28

BAB 4 ANALISIS DATA

4.0	Pendahuluan	30
4.1	Ujian Diagnostik	30
4.1.1	Analisis Ujian Diagnostik	31
4.2	Pemerhatian	32
4.2.1	Analisis Pemerhatian 1	32
4.2.2	Analisis Pemerhatian 2	36
4.3	Ujian	37
4.3.1	Analisis Ujian Pra	37
4.3.2	Analisis Ujian Pos	39
4.3.3	Analisis Perbezaan Pencapaian Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pos	41
4.4	Temu Bual	43
4.4.1	Analisis Temu Bual Soalan 1	44
4.4.2	Analisis Temu Bual Soalan 2	45
4.4.3	Analisis Temu Bual Soalan 3	46
4.4.4	Analisis Temu Bual Soalan 4	47
4.4.5	Analisis Temu Bual Soalan 5	48
4.5	Kesimpulan	49

BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.0	Pendahuluan	50
5.1	Rumusan Hasil Kajian	50
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	51
5.3	Cadangan Kajian	53
5.3.1	Cadangan Kepada Pihak Guru	53
5.3.2	Cadangan Kepada Pihak Sekolah	54

5.3.3 Cadangan Kepada Institut Pendidikan Guru (Ipg)	54
5.3.4 Cadangan Kepada Pihak KPM	54
5.3.5 Cadangan Kepada Pihak Penyelidik	55
5.6 Kesimpulan	55
RUJUKAN	57
LAMPIRAN	59

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 4.1: Markah Ujian Diagnostik Mengikut Gred	31
Jadual 4.2: Analisis Pemerhatian Semasa PdP Tanpa Menggunakan Kad Imbasan Bergambar	33
Jadual 4.3: Analisis Pemerhatian Semasa PdP Menggunakan Kad Imbasan Bergambar	34
Jadual 4.4: Pencapaian Partisipan Dalam Ujian Pra Sebelum Penggunaan Kad Imbasan Bergambar	38
Jadual 4.5: Pencapaian Partisipan Dalam Ujian Pos Selepas Penggunaan Kad Imbasan Bergambar	40
Jadual 4.6: Perbezaan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos	42
Jadual 4.7: Transkrip Temu Bual Soalan 1	44
Jadual 4.8: Transkrip Temu Bual Soalan 2	45
Jadual 4.9: Transkrip Temu Bual Soalan 3	46
Jadual 4.10: Transkrip Temu Bual Soalan 4	47
Jadual 4.11: Transkrip Temu Bual Soalan 5	48

SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 4.1: Markah Ujian Diagnostik Mengikut Gred	31
Rajah 4.2: Analisis Perbandingan di Antara Proses PdP Tanpa Menggunakan Kad Imbasan Bergambar Dengan Proses Pdp Menggunakan Kad Imbasan Bergambar	35
Rajah 4.3: Markah Ujian Pra Murid Tahun Lima Yakin	39
Rajah 4.4: Markah Ujian Pos Murid Tahun Lima Yakin	41
Rajah 4.5: Perbezaan Markah Pencapaian Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos	42

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pendidikan Islam adalah satu proses mendidik akal, jasmani dan roh manusia berasaskan nilai-nilai insaniah yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah untuk melahirkan manusia yang bertakwa. Pendidikan Islam melatih perasaan halus pelajar supaya sikap, tindakan dan keputusan mereka ditadbir oleh nilai-nilai kerohanian dan etika Islam. Dalam konteks dunia moden hari ini, Pendidikan Islam memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan pelajar mempunyai kekuatan dalaman yang kukuh untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa agar mereka tidak terkeluar daripada landasan nilai etika dan kerohanian. Hal ini amat bertepatan dengan matlamat Pendidikan Islam itu sendiri iaitu pengajaran ilmu agama sebagai panduan hidup dan pembangunan diri insan secara menyeluruh demi mencapai kejayaan hidup di dunia dan di akhirat (Al-Kaylani, 2005).

1.1 Latar Belakang Kajian

Tulisan Jawi merupakan salah satu daripada warisan bangsa Melayu. Ia telah lama digunakan dalam bidang Pendidikan Islam iaitu sebelum wujud sistem persekolahan secara formal. Pada ketika itu Pendidikan Islam diajar secara tidak formal melalui sistem belajar di rumah guru, pondok dan madrasah (Abdullah, 1960). Buku-buku atau teks yang menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) ditulis dengan tulisan Jawi dan ada juga yang ditulis dalam bahasa Arab (Abdullah, 1980). Oleh sebab itu ia diiktiraf

sebagai salah satu daripada warisan bangsa Melayu yang perlu dipertahankan dan dipelihara sehingga sekarang.

Dalam konteks penyebaran ilmu Islam di serantau Nusantara, tidak dinafikan bahawa tulisan Jawi memainkan peranan yang sangat penting. Buktinya pada suatu ketika dahulu, tulisan Jawi menjadi antara medium penyampaian ilmu dalam kalangan umat Islam di Nusantara. Ulama'-ulama' tersohor di rantau Alam Melayu telah menulis kitab-kitab dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi. Hal ini menunjukkan bahawa tulisan Jawi tidak dapat dipisahkan dengan tamadun ilmu yang berlaku di Nusantara pada satu ketika dahulu.

Selain itu, tulisan Jawi juga digunakan secara meluas dalam urusan harian seperti jual beli, undang-undang, politik dan perhubungan antarabangsa. Antara bukti tulisan Jawi digunakan secara meluas dalam urusan harian di Nusantara ialah penemuan surat-surat perjanjian jual beli yang ditulis dalam tulisan Jawi, penemuan batu-batu bersurat di Kedah, Terengganu, Kanun Undang-Undang Negeri seperti Hukum 44 di Kedah, Majalah Ahkam di Johor dan Hukum Kanun Melaka yang dipraktikkan di Melaka semuanya ditulis dan dibukukan dalam tulisan Jawi lama.

Kebelakangan ini, kita dapati penguasaan dan minat masyarakat terhadap tulisan Jawi agak berkurangan. Sebagai bukti, akhbar Utusan Melayu edisi tulisan Jawi yang telah diterbitkan sejak sebelum merdeka lagi telah dihentikan pengeluarannya akibat daripada tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu sendiri. Namun begitu, tindakan pantas Kementerian Kebudayaan dan Kesenian menanggung sebahagian besar kos percetakan akhbar ini menjadikan akhbar ini terus diterbitkan. Namun bukanlah lagi sebagai sebuah akhbar, tetapi hanya dalam bentuk sisipan yang diterbitkan bersama Utusan Malaysia.

Tulisan Jawi juga terpinggir selepas kerajaan memutuskan bahawa tulisan rumi digunakan sebagai medium bagi penyampaian bahasa Melayu. Pernah juga pada satu ketika, Pendidikan Islam juga menggunakan tulisan rumi sebagai tulisan rasmi. Hal ini menyebabkan tulisan Jawi semakin hilang daripada masyarakat Melayu di Malaysia.

Namun begitu, tulisan Jawi kembali diberi nafas baru apabila kerajaan mewajibkan mata pelajaran Pendidikan Islam menggunakan tulisan Jawi dan menyediakan buku teks Pendidikan Islam dalam tulisan Jawi. Selain itu, kerajaan juga memperkenalkan program j-QAF di peringkat sekolah rendah bermula pada tahun 2005 menerusi usaha bekas Perdana Menteri yang kelima iaitu Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi. Usaha-usaha yang dilakukan ini seolah-olah memberikan nafas baru kepada tulisan Jawi untuk membugarkan semula kegemilangan tulisan Jawi sebagai warisan Melayu pada satu ketika dulu.

Selain daripada itu, kehadiran Kaedah Ejaan Dewan yang disusun secara teratur oleh pakar-pakar bahasa menjadikan kaedah tulisan Jawi semakin tersusun. Wujudnya Kamus Dewan Ejaan Jawi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka memantapkan lagi usaha jitu kerajaan untuk memartabatkan penggunaan tulisan Jawi.

Justeru, bagi memastikan warisan tulisan Jawi ini tidak terkubur begitu sahaja, suatu usaha yang bersepadu dan bersungguh-sungguh secara berterusan terutamanya di bidang pendidikan perlu dilakukan bagi memastikan tulisan Jawi ini kekal sebagai medium penyampaian ilmu di serata Nusantara. Salah satu usaha yang boleh disumbangkan menerusi bidang pendidikan ialah kajian yang mendalam berkaitan pendekatan PdP dan teknik yang boleh digunakan untuk menarik minat generasi masa kini untuk mempelajari tulisan Jawi.

1.2 Pernyataan Masalah

Sejarah Pendidikan di Malaysia menunjukkan bahawa Pendidikan Islam diajar melalui pelbagai cara dengan menggunakan buku-buku teks yang ditulis dalam tulisan Jawi. Tulisan Jawi ialah hasil daripada pengubahsuaian dan penambahan huruf-huruf Arab untuk disesuaikan dengan lidah orang Melayu bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Oleh itu, tulisan Jawi merupakan medium asas untuk PdP Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Malaysia pada hari ini terutama dalam pembelajaran al-Quran. Mata pelajaran Jawi merupakan satu daripada mata pelajaran yang perlu dipelajari oleh murid-murid Islam di sekolah rendah. Dua kemahiran penting yang perlu dikuasai dalam Jawi ialah kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi.

Secara amnya penguasaan Jawi dalam kalangan murid-murid bukan pada tahap cemerlang. Bahkan majoriti murid di Malaysia masih lemah untuk membaca ayat Jawi apatah lagi menulis dan mengeja dengan betul. Oleh yang demikian pengenalan program j-QAF iaitu Jawi, Quran, Arab, Fardu Ain (j-QAF) di peringkat sekolah rendah di bawah Panatia Agama Islam akan menjawab permasalahan tersebut. Setelah 11 tahun pelaksanaan program j-QAF tersebut, statistik menunjukkan peningkatan terhadap penguasaan Jawi dalam kalangan murid. Bagi mencapai tahap cemerlang dalam penguasaan Jawi, dengan menggunakan kad imbasan bergambar sebagai metod keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Kemahiran membaca suku kata terbuka dan tertutup merupakan salah satu daripada kemahiran yang mesti dikuasai oleh murid sejak dari tahun dua lagi. Namun begitu, terdapat sesetengah murid yang sukar menguasai kemahiran ini terutamanya murid yang sangat lemah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Kebanyakan mereka mempunyai persepsi negatif terhadap mata pelajaran Jawi. Kenyataan ini disokong oleh kajian Mustapha (1991), beliau menyatakan bahawa terdapat 95% pelajar mempunyai

sikap negatif terhadap bacaan Jawi seperti susah dipelajari, tidak penting dan tidak dinilai dalam peperiksaan. Persepsi negatif ini boleh memberi kesan terhadap pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kelemahan murid dalam Pendidikan Islam ini mempunyai kaitan dengan kelemahan mereka dalam menguasai kemahiran Jawi. Kenyataan ini disokong oleh kajian Nik Rusila (2001) yang menjelaskan bahawa kelemahan pelajar dalam membaca buku teks Pendidikan Islam termasuk surah al-Quran berkemungkinan besar disebabkan oleh kelemahan mereka dalam menguasai Jawi. Ini kerana huruf-huruf Jawi dan huruf-huruf hijaiyyah adalah sama bentuk dan sebutannya. Kebanyakan mereka yang lemah membaca al-Quran juga lemah dalam pelajaran Jawi.

Melalui hasil pemerhatian semasa aktiviti latihan dalam proses PdP dari minggu ke minggu, didapati tidak semua murid menguasai kemahiran membaca suku kata Jawi dan juga merumikan suku kata Jawi. Murid-murid ini sukar memenuhi permintaan guru apabila diminta membaca perkataan atau pun merumikan semula perkataan yang terdiri daripada suku kata terbuka dan tertutup. Malah semasa proses PdP Jawi, mereka yang juga sukar mengingat sesuatu perkataan yang diajar walaupun telah diulang beberapa kali. Kelemahan mereka dalam menguasai kemahiran membaca perkataan Jawi yang mudah menyebabkan mereka juga sukar untuk membaca teks Jawi. Mereka kelihatan pasif dan tidak banyak bercakap dan bertanya. Akibatnya mereka kurang melibatkan diri secara aktif ketika sesi PdP dalam kelas. Keadaan ini memberi kesan yang besar terhadap pencapaian mereka di dalam ujian bulanan dan peperiksaan penggal bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

Menurut Abdul Rahim (1984) dalam kajiannya menyatakan bahawa kesediaan seseorang guru sebelum memulakan pengajaran juga mempunyai pengaruh yang kuat dalam PdP. Guru yang sentiasa bersedia untuk mengajar sesuatu pelajaran akan

menyebabkan murid mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menguasai sesuatu pelajaran tersebut berbanding guru yang tidak bersedia. Ini menunjukkan bahawa kaedah pengajaran guru juga menjadi faktor terbesar keberkesanan pembelajaran murid. Murid yang diajar dengan menggunakan kaedah “*chalk and talk*” semata-mata dan guru memberikan aktiviti melibatkan kertas yang sama warna dan tulisan yang tidak pelbagai akan mengakibatkan rasa tidak minat untuk belajar pelajaran Jawi dalam kalangan murid tersebut serta seterusnya menyebabkan pengajaran guru tersebut tidak memberi apa-apa kesan kepada murid.

Menyedari hakikat kepentingan kemahiran membaca Jawi dalam Pendidikan Islam, maka pengajaran Jawi menggunakan kaedah yang menarik dan menyeronokkan di samping menggalakkan murid bergerak untuk belajar adalah menjadi keutamaan dalam mencapai objektif pembelajaran. Kaedah terbaik yang dirasakan dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran membaca Jawi ialah kaedah kad imbasan bergambar. Berdasarkan pernyataan Sofiah (1993), Penggunaan kad imbasan bergambar dapat menarik minat murid untuk memberi tumpuan dan perhatian semasa proses pembelajaran serta meningkatkan motivasi murid agar belajar dengan lebih tekun dan bersungguh-sungguh. Ia sedikit sebanyak dapat meningkatkan keberkesanan PdP di dalam kelas khususnya bagi murid-murid yang kurang bermotivasi, pasif dan lambat memproses idea baru. Dengan itu, pembelajaran diharapkan menjadi lebih bermakna kepada murid dan memberi pengalaman untuk memberi ingatan yang lama dalam menguasai suku kata terbuka dan tertutup. Kaedah ini juga diharap dapat membantu mengukuhkan kosa kata mereka dalam pembelajaran Jawi.

Bertitik tolak daripada masalah ini, kajian dijalankan bagi memastikan misi Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah bidang Pendidikan Islam iaitu murid dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi setelah tamat tahun 6 tercapai. Kajian

ini diharapkan dapat menjadi perintis kepada kajian lebih terperinci di dalam bidang Jawi secara khusus. Kajian ilmiah sebegini membatu penguasaan Jawi akan kekal diwarisi oleh generasi muda khususnya.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan kad imbasan bergambar dalam meningkatkan kemahiran membaca suku kata Jawi. Terdapat tiga objektif yang ingin dicapai menerusi kajian ini:

- 1) Mengetahui pasti perbezaan tahap pencapaian murid sebelum dan selepas penggunaan kad imbasan bergambar dalam meningkatkan kemahiran membaca suku kata Jawi.
- 2) Mengetahui pasti persepsi murid terhadap penggunaan kad imbasan bergambar sebagai bahan bantu mengajar untuk meningkatkan kemahiran membaca suku kata Jawi.
- 3) Mengetahui pasti tahap keberkesanan penggunaan kad imbasan bergambar dalam meningkatkan kemahiran membaca suku kata Jawi.

1.4 Persoalan Kajian

Daripada objektif yang diwujudkan maka persoalan kajian yang dikenal pasti adalah:


- 1) Adakah terdapat perbezaan tahap pencapaian murid sebelum dan selepas penggunaan kad imbasan bergambar?
- 2) Apakah persepsi murid terhadap penggunaan kad imbasan bergambar sebagai bahan bantu mengajar untuk meningkatkan kemahiran membaca Jawi?

- 3) Apakah tahap keberkesanan penggunaan menggunakan kad imbasan bergambar dalam meningkatkan kemahiran murid membaca suku kata terbuka dan tertutup?

1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini menggunakan Teori Behaviorisme dan Teori Kognitif sebagai kerangka konsep. Pemilihan teori ini sebagai landasan adalah kerana ia turut digunakan dalam penulisan dan kajian-kajian lepas mengenai pelbagai perkara yang berkaitan dengan aktiviti penggunaan kad imbasan bergambar dalam meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang terdiri daripada suku kata terbuka dan tertutup. Kajian menggunakan Teori Behaviorisme dan Teori Kognitif ini melibatkan interaksi seperti berikut:

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



Teori Behaviorisme dikenali sebagai teori tingkah laku. Teori ini memberi perhatian dan mengkaji tingkah laku manusia, kerana tingkah laku manusia boleh dilihat dan diukur. Berdasarkan teori ini, perubahan sikap berlaku apabila terdapat stimuli, tindak balas dan latihan dilakukan secara berulang-ulang. Melalui pelaziman yang dilakukan, satu hubungan baru diwujudkan iaitu perubahan tingkah laku. Menurut Morgan, C.T dan King, R.A (1975) dalam bukunya “Introduction to Psychology”, pembelajaran ialah sebarang tingkah laku yang kekal akibat dari pengalaman yang diperolehi atau latihan yang telah dijalani.

Teori Kognitif pula ialah teori berkenaan perkembangan kognitif. Kemahiran kognitif merupakan kebolehan individu untuk berfikir, memberi pendapat, memahami, mengingat perkara-perkara yang berlaku di persekitaran masing-masing. Ia melibatkan aktiviti mental seperti ingatan, mengkategorikan, merancang, menaakul dan lain-lain lagi. Menurut Rohani (2003), dalam tulisan beliau yang berjudul “Panduan Kognitif Kanak-Kanak Prasekolah”, kognitif adalah merujuk kepada intelek atau pemikiran individu. Perkembangan kognitif memfokuskan kepada cara kanak-kanak belajar dan memproses maklumat. Hal ini bermaksud ia adalah suatu proses memperkembangkan daya fikir atau membina pengetahuan kanak-kanak.

Berdasarkan kedua-dua teori ini, jelaslah bahawa objektif sesuatu pembelajaran itu tercapai apabila terdapat sesuatu rangsangan persekitaran terhadap organ-organ deria manusia sehingga menghasilkan perubahan di dalam kognitif dan tingkah laku. Kedua-dua teori ini diharap dapat membantu membentuk sikap murid dan boleh mengenal pasti punca kelemahan dan kemahiran yang perlu ditekankan bagi mencapai objektif kajian iaitu untuk melihat keberkesanan kad imbasan bergambar merangsang pembelajaran Jawi dalam kalangan murid lemah.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah kerana kepentingan-kepentingan berikut:

- 1) Hasil kajian dapat mengenal pasti keberkesanan penggunaan kad imbasan bergambar dalam meningkatkan kemahiran membaca Jawi.
- 2) Kajian ini diharapkan dapat membantu menyelesaikan masalah murid gagal menguasai kemahiran membaca Jawi dan seterusnya meningkatkan tahap pencapaian murid di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.
- 3) Kajian ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang kepentingan kaedah pengajaran dalam mencapai objektif pembelajaran yang disasarkan.
- 4) Dapatan kajian ini boleh menjadi panduan kepada para guru untuk memperbaiki mutu dan kualiti PdP di dalam kelas.

1.7 Batasan Kajian

Batasan dalam kajian ini meliputi aspek sampel kajian dan kandungan:

- 1) Sampel kajian

Sampel kajian ini hanya melibatkan sebilangan kecil murid yang lemah dalam kemahiran membaca Jawi iaitu enam orang murid tahun 5 Yakin. Pemilihan dibuat berdasarkan ujian diagnostik yang dijalankan untuk memilih murid yang betul-betul lemah dalam kemahiran membaca Jawi. Mereka dipilih sebagai sampel untuk melihat kesan sebelum dan selepas PdP menggunakan kad imbasan bergambar sebagai bahan bantu mengajar Jawi di dalam kelas.

- 2) Kandungan kajian

Dari sudut kandungan, kajian ini difokuskan kepada keberkesanan penggunaan kad imbasan bergambar dalam meningkatkan salah satu cabang kemahiran Jawi

iaitu kemahiran membaca suku kata terbuka dan tertutup. Ia hanya melibatkan bacaan perkataan mudah daripada gabungan suku kata terbuka dan tertutup.

1.8 Definisi Operasional

Berikut adalah beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini:

i Kad imbasan :

Kad imbasan merupakan grafik yang terdiri daripada perkataan atau rangkai kata yang diberi makna di belakangnya untuk memperkenalkan perkataan baru kepada pelajar. Dalam kajian ini kad imbasan membawa maksud kad gabungan grafik atau gambar serta perkataan yang boleh digunakan untuk membentuk perkataan yang dikehendaki melalui suku kata membentuk perkataan.

ii Ujian Pra (*Pre-Test*) :

Bermaksud bentuk pertanyaan atau soalan sama ada berbentuk lisan atau bertulis yang diberikan kepada murid sebelum sesuatu pelajaran diajar atau sebelum tindakan rawatan dibuat.

iii Ujian Pos (*Post-Test*)

Bermaksud bentuk pertanyaan atau soalan sama ada berbentuk lisan atau menulis yang diberikan kepada murid selepas sesuatu pelajaran diajar selepas tindakan rawatan dibuat.

iv Suku kata terbuka :

Suku terbuka adalah suku kata yang diakhiri dengan huruf vokal. Huruf vokal Jawi ialah alif (ا), wau (و) dan ya (ي). Atau dalam ejaan rumi diakhiri dengan huruf vokal a, e, i, o, u.

Contohnya:

- a) Selipar - سليڤر
- b) Pemadam - فمادم
- c) Gamat - كامت

vi Suku kata tertutup :

Perkataan atau suku kata yang diakhiri dengan huruf konsonan. Huruf konsonan

Jawi sama juga dengan huruf rumi, iaitu huruf selain daripada huruf alif (ا),

wau (و) dan

ya (ي).

Atau selain daripada huruf vokal a, e, i, o dan u.

Contohnya:

- a) Pelampong - فلمڤونڠ
- b) Kasut - كاسوت
- c) Jubah - جوبه

1.9 Kesimpulan

Kegagalan menguasai Jawi boleh menyebabkan pencapaian seseorang murid itu dalam Pendidikan Islam akan lemah malah sekaligus menyebabkan penguasaan membaca al-Quran juga akan lemah. Oleh itu, guru khususnya perlu memainkan peranan yang penting dalam proses penyampaian ilmu ini kerana ianya sangat penting bagi mencapai objektif yang disasarkan dalam pembelajaran

BAB DUA

TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kad imbasan bergambar dalam meningkatkan kemahiran membaca suku kata Jawi. Oleh yang demikian, bab ini membincangkan tentang teori-teori yang berkaitan dengan aspek kajian dan ciri-ciri pembelajaran dengan menggunakan kad imbasan bergambar. Bab ini juga melihat pandangan dan dapatan kajian yang terdahulu yang boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada kajian ini.

2.1 Teori Berkaitan

2.1.1 Teori Behaviorisme

Teori yang boleh dikaitkan dalam kajian ini ialah Teori Behaviorisme. Teori ini diasaskan oleh J.B Watson yang popular dengan teori Little Albert. Selain daripada J.B Watson, terdapat tokoh lain yang turut mengkaji tentang teori ini. Mereka adalah Skinner, Thondike dan Pavlov. Mereka berpendapat bahawa pembelajaran merupakan suatu tingkah laku yang boleh diperhatikan, dikawal dan diramal. Dari perspektif behaviorisme, pembelajaran hanya bermula apabila wujudnya tindak balas terhadap suatu rangsangan yang diberi. Proses pembelajaran akan diteruskan jika terdapat motivasi ekstrinsik yang sesuai (sama ada peneguhan positif atau negatif) sementara pembelajaran dikatakan berakhir apabila perubahan tingkah laku dapat dibentuk dan dikekalkan.

Teori behaviorisme ini dilihat relevan dan boleh dijadikan rujukan untuk kajian ini. Teori Tingkah Laku atau dikenali sebagai Teori Pembelajaran dengan ahli-ahlinya

Skinner (1957), Jenkins dan Palermo (1964) serta Braine (1971) mengatakan kanak-kanak tidak mempunyai kemahiran memperoleh bahasa secara semulajadi. Namun begitu mereka percaya kanak-kanak mempunyai keupayaan untuk mempelajarinya dan persekitaran memainkan peranan utama untuk merangsang penguasaan tersebut. Oleh yang demikian minat dan tahap penguasaan seseorang murid dalam sesuatu pembelajaran itu bergantung kepada rangsangan dan bahan bantu belajar yang disediakan oleh seseorang guru.

2.1.2 Teori Perkembangan Kognitif

Teori ini diasaskan oleh Jean Piaget (1960) menyatakan kanak-kanak adalah pelajar yang aktif dan mereka telah berfikir semenjak bayi. Kajiannya terhadap perkembangan berfikir manusia menunjukkan dalam jangka hayat setiap individu, mereka melalui empat tahap berfikir iaitu semasa bayi (dari lahir hingga 1 1/2 atau 2 tahun), peringkat umur prasekolah (1 1/2 atau 2 tahun hingga 6 atau 7 tahun), peringkat umur kanak-kanak (6 atau 7 tahun hingga 11 atau 12 tahun) dan peringkat remaja hingga dewasa (11 atau 12 tahun hingga seterusnya).

Mengikut Piaget, kanak-kanak memperoleh bahasa menerusi hubungan antara keupayaan persepsi kognitif dengan pengalaman yang dialaminya. Persekitaran kanak-kanak dan perkembangan neurologinya menentukan pembelajaran. Oleh itu bahasa dan berfikir berkembang secara serentak apabila anak-kanak melalui tahap-tahap berfikir tadi yang mana setiap tahap memerlukan strategi kognitif yang semakin kompleks. Piaget percaya keupayaan berbahasa adalah secara semula jadi. Namun begitu keupayaan berkenaan perlu digerakkan dari persekitaran dan keprihatinan diterima diproses melalui pemilihan, perbandingan dan penyatuan dengan maklumat lain yang

sedia ada dalam ingatan. Penyatuan maklumat ini kemudian akan diubah dan disusun semula. Hasil pemikiran bergantung kepada proses mental dalaman tersebut.

Ahli-ahli psikologi kognitif menekankan bahawa kita bukanlah penerima rangsangan-rangsangan yang pasif, sebaliknya otak kita akan memproses secara aktif maklumat yang diterima dan menukarkan maklumat kepada bentuk atau kategori baru. Sebagai manusia yang telah dikurniakan otak untuk berfikir, kita seharusnya dapat bertindak balas dengan sewajarnya apabila menerima sesuatu maklumat dan bersedia pula untuk berubah sikap jika kita dapati bahawa idea kita sebelum ini adalah negatif.

2.2 Kajian-Kajian Yang Berkaitan

Abdul Rashid (2011) dalam kajiannya menjelaskan penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik, bersesuaian dengan tahap kebolehan murid semasa merencanakan isi pelajaran dapat merangsang minat murid dan bermotivasi untuk terus belajar. Bahan bantu mengajar hendaklah digunakan secara optimum dalam pembelajaran agar menghasilkan pembelajaran bermakna dan meninggalkan kesan positif dalam diri.

Menurut Azlan Shah (2012) masalah utama murid adalah mereka tidak mampu untuk mengenal dan menyebut huruf Jawi yang hampir sama bentuk dengan betul. Permainan kad huruf bergrafik memerlukan murid untuk memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap gambar, bentuk huruf dan sebutan huruf. Permainan ini mencabar minda murid dalam mengenal dan mengingat setiap bentuk dan sebutan huruf dengan tepat. Responden adalah terdiri daripada lima orang murid tahun 4 yang sangat lemah dalam mengenal dan menyebut huruf Jawi yang hampir sama bentuk. Analisis data menunjukkan bahawa kelima-lima murid menunjukkan peningkatan secara puratanya sebanyak 28% dalam mengenal dan menyebut huruf Jawi yang hampir sama bentuk setelah Kad Permainan Bergrafik diperkenalkan.

Hasil dapatan kajian Haliza (2009), terhadap tiga orang murid tahun 4 dari sebuah sekolah sekitar bandar Kuching menunjukkan bahawa aplikasi warna pada huruf vokal Jawi dapat membantu murid dalam penulisan suku kata terbuka. Aplikasi warna ini dapat menarik minat dan perhatian murid sekali gus merangsang perubahan tingkah laku positif murid terhadap pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Kajian ini menfokuskan kepada kemahiran menulis suku kata terbuka Jawi menggunakan aplikasi warna huruf vokal Jawi. Kaedah yang digunakan ialah kaedah pemerhatian, temu bual serta ujian pra dan ujian pasca dalam mengumpul data.

Mohd. Arif (1999) menyatakan grafik adalah karangan visual yang memberi keterangan atau mesej dalam komunikasi. Kad imbasan merupakan grafik yang terdiri daripada perkataan atau rangkai kata yang diberi makna di belakangnya untuk memperkenalkan perkataan-perkataan yang baru kepada pelajar. Kad imbasan juga merupakan gabungan grafik atau gambar serta perkataan yang boleh digunakan untuk membentuk perkataan yang dikehendaki melalui keratan-keratan kad imbasan tersebut.

Kajian Jamaluddin dan Zaidatun (2002) menjelaskan bahawa penggunaan grafik sebagai media pengajaran telah lama digunakan untuk menyalurkan maklumat. Yusup & Maznah (2006) menyatakan penekanan terhadap penggunaan bahan grafik dalam kaedah pengajaran tradisional bertujuan untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Jamalludin, Baharuddin dan Zaidatun (2001) menyatakan penggunaan grafik juga dapat menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan kerana segala bentuk mesej yang diterima oleh manusia melalui penglihatan mempunyai daya ketahanan serta daya ingatan yang lebih tinggi sekiranya direka bentuk dengan tepat.

Gibson dan Lewin (1975) telah mengenal pasti bahawa huruf dipelajari dengan mengenali ciri-ciri spatial yang tertentu. Dalam kajian ini, guru-guru sangat berperanan dalam membantu murid-murid pada tahap awal membaca untuk mengenal nombor atau

huruf secara visual dengan menggunakan alat bantu mengajar seperti buku nombor dan penggunaan kad imbasan.

RoZIAH (2005) telah menyatakan bahawa kemahiran membaca dengan menggunakan kad suku kata dan gambar telah dapat ditingkatkan berdasarkan keputusan kajian beliau. Hal ini menunjukkan peningkatan yang agak memberangsangkan. Manakala dalam kajian yang lain, RoZIAH (2005) telah menjalankan kajian ke atas 10 orang murid tahun 1 di negeri Pahang di mana beliau mengatakan bahawa kegagalan menguasai kemahiran membaca menyebabkan murid tidak dapat membaca dengan betul dan lancar. Program latih tubi membaca suku kata dengan bantuan kad imbasan bergambar yang telah dilaksanakan mendapati bahawa pencapaian dan penguasaan murid terhadap kemahiran membaca telah dapat dipertingkatkan dengan baik.

Hasnurfarisha (2008) membuktikan keberkesanan PdP berbantuan kad imbasan bergambar di dalam kajian beliau. Kajian tersebut merupakan kajian tindakan yang telah dijalankan di sebuah sekolah prasekolah di Kuala Lumpur yang bertujuan untuk melihat sejauh manakah penggunaan kad imbasan bergambar dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca murid. Kajian ini melibatkan seramai lima orang murid yang terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan yang berumur lima hingga enam tahun. Objektif kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran murid dalam menyebut dan membunyikan suku kata KVKK dengan betul serta meningkatkan keupayaan murid dalam kemahiran membaca dengan menggunakan kad imbasan bergambar.

Sementara itu dalam satu kajian Norma (2004), beliau merumuskan hasil dapatan kajian tentang hubungan di antara penggunaan bahan bantu mengajar dengan minat pelajar menunjukkan wujudnya hubungan positif di antara penggunaan bahan

bantu mengajar dengan minat pelajar. Oleh itu bahan bantu mengajar merupakan salah satu cara untuk memotivasikan minat pelajar. Dalam pemilihan bahan pula, faktor ciri dan jenis bahan bantu mengajar perlu diambil kira dan diberi perhatian oleh pihak guru.

Jamalludin dan Zaidatun (2002), menjelaskan dalam bidang pendidikan, penggunaan grafik sebagai media pengajaran telah lama digunakan untuk menyalurkan maklumat. Penekanan terhadap penggunaan bahan grafik dalam kaedah pengajaran tradisional bertujuan untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (Yusup dan Maznah, 2006). Penggunaan grafik juga dapat menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan kerana segala bentuk mesej yang diterima oleh manusia melalui penglihatan mempunyai daya ketahanan yang lebih tinggi (Jamalludin, Baharuddin dan Zaidatun, 2001).

Dalam konteks PdP pula menyatakan bahawa penggunaan kad imbasan huruf dan bergambar disebut sebagai alat bantu mengajar. Alat bantu mengajar ini akan membantu guru mempercepat proses pemahaman murid-murid lazimnya bersifat abstrak dengan mengangap objek-objek yang lain konkrit melalui pandang dan dengar. Ini bersesuaian dengan Teori Edgar Dale yang digambarkannya dalam bentuk '*cone of experience*' yang antara lain mengatakan bahawa proses pembelajaran bermula dengan mengangap objek-objek konkrit dan berunsur-unsur mengangap aspek semi-abstrak yang akhirnya kepada yang lebih abstrak (Azman Wan Chik, 1989).

Md Asri (2015), dalam kajiannya terhadap murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Tahun 4 di SK Merlimau Melaka di mana kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan dari aspek menyebut suku kata terbuka Jawi. Kaedah permainan digunakan untuk melihat keberkesanan pengajaran Jawi dengan menggunakan Kaedah Permainan Kad Suku Kata Jawi Bergambar. Data diperolehi dengan menggunakan borang kaji selidik dan analisis maklumat keputusan Ujian Pra

dan Ujian Pos. Hasil kajian didapati bahawa tahap pencapaian murid menguasai Jawi ada peningkatan. Ini berdasarkan kebolehan murid menyebut perkataan menggunakan kaedah permainan cantuman kad suku kata Jawi bergambar dalam pengajaran dan pengajaran di dalam kelas. Oleh itu kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kad imbasan imbasan bergambar bagi mengenalpasti tahap keberkesannya dalam membantu murid membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi.

2.3 Kesimpulan

Sorotan kajian lepas yang dijalankan memberi rasional bahawa teori-teori yang digunakan dalam sesuatu kajian itu bukanlah teori yang dicipta sendiri oleh seseorang pengkaji. Dalam kajian ini, Teori Behaviorisme dan Teori Perkembangan Kognitif dipilih sebagai asas dan rujukan utama. Kajian literatur menunjukkan bahawa peningkatan dan keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu memerlukan kepada kepelbagaian bahan bantu mengajar termasuklah bahan grafik dan kad imbasan bergambar.

Dalam bab ini juga telah dinyatakan tentang kajian-kajian yang terdahulu, namun kebanyakan kajian hanya terbatas kepada penggunaan kad imbasan bergambar dalam kemahiran membaca, menyebut atau menulis satu suku kata seperti suku kata terbuka atau suku kata tertutup sahaja. Secara keseluruhannya tiada kajian yang khusus bagi mengkaji keberkesanan kad imbasan bergambar terhadap peningkatan kemahiran membaca suku kata terbuka dan tertutup. Justeru, tajuk yang diutarakan ini adalah relevan dan memenuhi kriteria sebagai kajian baru untuk memantapkan lagi Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Parit Jawa khususnya.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Penyelidikan adalah satu usaha untuk menganalisis data melalui kaedah saintifik dengan cara yang formal dan sistematik (Kerlinger, 1973). Ia dilakukan mengikut tatacara yang rapi dan langkah yang tertentu serta khusus untuk mendapatkan maklumat dan menjawab persoalan yang diutarakan. Dalam bab ini, perbincangan mengenai metodologi yang diguna pakai akan dikupas dengan teliti kerana ia merupakan kaedah yang akan digunakan sepanjang kajian ini dilakukan. Ia bertujuan untuk memperolehi data yang sah dan boleh dipercayai untuk menjawab persoalan kajian. Aspek-aspek yang dibincangkan dalam bab ini adalah seperti reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan persampelan kajian, instrumen kajian, cara pengumpulan data dan cara untuk menganalisis data.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan sesuatu yang penting dalam melakukan sesuatu kajian. Menurut Sabitha (2006), reka bentuk kajian merupakan pelan tindakan sesuatu kajian yang menggambarkan bagaimana kajian itu dilakukan. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian yang berbentuk Kualitatif. Data diperolehi melalui kaedah pemerhatian, Ujian Pra (Pre-Test) dan juga Ujian Pos (Post-Test) serta temu bual yang dilakukan bersama partisipan. Segala data yang diperolehi daripada responden seterusnya akan dianalisis dan dinyatakan dalam bentuk laporan.

3.2 Lokasi Kajian

Setiap pengkaji mempunyai alasan yang tersendiri dalam memilih tempat kajian (Spradley 1980). Pemilihan tersebut perlu mengambil kira aspek sifat dan keperluan kajian supaya ia tidak membataskan apa yang hendak dikaji oleh pengkaji (Jorgensen 1989). Kajian ini dilaksanakan di salah sebuah sekolah di daerah Muar Johor. Sekolah yang dipilih sebagai lokasi kajian ialah Sekolah Kebangsaan Parit Jawa. Sekolah tersebut mempunyai murid seramai 530 orang murid dan meyoriti murid yang bersekolah di sekolah tersebut adalah mereka yang beragama Islam.

3.3 Populasi dan Persampelan Kajian

Daripada 24 orang murid tahun 5 Yakin di Sekolah Kebangsaan Parit Jawa yang merupakan populasi kajian, enam orang murid telah dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel adalah berdasarkan ujian diagnostik yang dijalankan pada peringkat awal. Hasil daripada ujian diagnostik yang dijalankan, didapati dua orang murid perempuan dan empat orang murid lelaki memenuhi kriteria yang diperlukan. Mereka ini terdiri dari kalangan murid yang sangat lemah dalam penguasaan kemahiran membaca Jawi. Mereka juga merupakan murid yang pasif di dalam kelas kerana kurang melibatkan diri dalam aktiviti khususnya semasa proses PdP Jawi berlangsung di dalam kelas.

3.4 Instrumen

3.4.1 Ujian Diagnostik

Penilaian diagnostik ialah satu proses penilaian terhadap kanak-kanak untuk melabel tahap ketidakupayaan kanak-kanak. Penilaian ini biasanya dilakukan oleh psikiatris dan guru. Lampiran A menunjukkan bentuk soalan diagnostik yang telah dijalankan ke atas

24 orang murid pada peringkat awal kajian tanpa menggunakan kad imbasan bergambar. Ujian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan meninjau kelemahan murid yang tidak dapat membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi dengan baik. Sebanyak 20 soalan berkaitan suku kata terbuka dan tertutup Jawi disediakan dan murid-murid diminta untuk menjawab di dalam lembaran kerja yang telah diedarkan. Terdapat tiga bahagian soalan di mana bahagian pertama murid diminta memadankan gambar dengan perkataan Jawi yang telah disediakan. Bahagian kedua murid diminta merumikan suku kata Jawi kepada tulisan rumi, manakala bahagian ketiga murid diminta memadankan suku kata dengan perkataan ejaan rumi. Selepas ujian ini dianalisis, didapati terdapat enam orang murid yang berada pada tahap yang sangat lemah. Mereka ini telah dipilih sebagai sampel kajian dan diberikan rawatan dengan menggunakan kaedah kad imbasan bergambar sebagai bahan bantu mengajar untuk meningkatkan kemahiran membaca suku kata Jawi.

3.4.2 Borang Pemerhatian 1 dan 2

Kaedah pemerhatian banyak digunakan dalam membuat kajian ini. Ianya menyediakan cara-cara untuk mengungkap maklumat bukan secara lisan, menentukan cara seseorang berinteraksi, memahami bagaimana peserta berkomunikasi antara satu sama lain dan memeriksa bebarapa banyak masa yang dibelanjakan untuk aktiviti (Schmuck, 1997).

Dalam kajian ini, pemerhatian secara berstruktur telah digunakan untuk memerhati, mendengar dan merekod maklumat murid berdasarkan aktiviti PdP yang dilaksanakan. Ia dibuat ketika murid mengikuti sesi PdP sebelum dan selepas tindakan. Terdapat 2 jenis borang pemerhatian berstruktur disediakan iaitu Borang Pemerhatian 1 dan Borang Pemerhatian 2. Borang Pemerhatian 1 menggunakan jawapan “Ya” atau “Tidak” sahaja. Ia digunakan sebanyak dua kali. Kali pertama, semasa proses PdP tanpa

menggunakan kad imbasan bergambar manakala kali kedua semasa proses PdP menggunakan kad imbasan bergambar. (Rujuk Lampiran B i dan ii). Borang Pemerhatian 2 pula menggunakan senarai semak (Rekod Anekdote). Ia digunakan untuk mencatat tingkah laku responden semasa proses PdP dilaksanakan di dalam kelas. (Rujuk Lampiran C)

3.4.3 Ujian Pra dan Ujian Pos

Dalam kajian ini, satu instrumen ujian telah digunakan. Ia digunakan secara sebelum dan selepas penggunaan kad imbasan bergambar diaplikasi di dalam PdP. Ia dinamakan sebagai Ujian Pra dan Ujian Pos.

Ujian Pra ialah ujian sebelum pendekatan kaedah kad imbasan bergambar ini diaplikasikan kepada partisipan. Satu instrumen soalan yang mengandungi 10 item soalan berkaitan dengan suku kata terbuka dan tertutup disediakan. Setiap satu soalan mewakili 10 markah. Sekiranya 10 soalan dijawab dengan betul, maka mereka akan memperolehi 100 markah. (Rujuk Lampiran D).

Seterusnya, Ujian Pos yang menggunakan instrumen ujian dan format pemarkahan yang sama ini juga akan diberikan sekali lagi kepada responden. Ia diberikan selepas pendekatan kaedah kad imbasan bergambar diaplikasikan kepada responden. (Rujuk Lampiran E).

Instrumen ujian yang digunakan di dalam Ujian Pra dan Ujian Pos yang dijalankan ini adalah untuk melihat peningkatan prestasi melalui penggunaan kaedah kad imbasan bergambar dalam menerapkan kemahiran membaca dan menyebut suku kata terbuka dan tertutup.

3.4.4 Temu Bual

Dalam kajian ini temu bual berbentuk separa berstruktur digunakan untuk memperolehi data. Soalan-soalan ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah berbentuk terbuka dimana ianya boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemubual dan responden. (Rujuk Lampiran F). Menurut Shensul (1999), temu bual separa berstruktur ini adalah cara yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan subfaktor. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklum balas dan mengumpul hasil dapatan kajian. Temu bual telah direkod menggunakan alat perakam suara dan ia adalah sangat penting sebagai sokongan dalam proses untuk menyediakan laporan kajian.

3.5 Proses Pengumpulan Data

Bahagian ini membincangkan berkaitan proses pengumpulan data untuk kajian yang dijalankan. Terdapat beberapa proses untuk mendapatkan data kajian iaitu ujian yang melibatkan ujian diagnostik, Ujian Pra (*Pre-Test*) dan Ujian Pos (*Post-Test*). Selain dari itu, kaedah pemerhatian dan temu bual juga digunakan untuk mengumpul data kajian.

3.5.1 Ujian

Terdapat tiga ujian telah dijalankan sepanjang tempoh kajian. Ujian-ujian tersebut adalah ujian diagnostik, Ujian Pra (*Pre-Test*) dan Ujian Pos (*Post-Test*). Kesahan ujian tersebut telah ditentukan dengan memastikan skop dan kandungan ujian menepati aspek kemahiran yang dinilai dalam kajian ini.

Lampiran A menunjukkan bentuk ujian diagnostik yang dijalankan ke atas 24 orang murid tahun 5 dengan tujuan untuk melihat tahap penguasaan murid terhadap bacaan Jawi. Terdapat tiga bahagian soalan yang merangkumi 20 soalan disediakan.

Selepas ujian diagnostik dianalisis, enam orang murid didapati lemah dalam bacaan Jawi. Mereka ini telah dipilih sebagai peserta kajian dan diberikan rawatan dengan menggunakan kad imbasan bergambar.

Ujian Pra (*Pre-Test*) telah dijalankan kepada responden yang telah dikenal pasti melalui ujian diagnostik. Ujian ini diberikan kepada responden selepas PdP tanpa menggunakan kad imbasan bergambar diaplikasikan. Sebelum diberikan ujian, beberapa latihan penilaian ringkas dijalankan untuk melihat kemajuan murid. Perkara ini adalah selaras dengan hukum pembelajaran yang telah diperkenalkan Thorndike bahawa semakin banyak latihan dijalankan, semakin bertambah kukuh ikatan atau asosiasi gerak balas dengan rangsangan yang berkaitan (Mok, 2008). Terdapat 10 soalan berkaitan suku kata terbuka dan tertutup diberikan. Partisipan diminta memadankan suku kata Jawi dengan suku kata yang dieja secara rumi dan menjawab suku kata terbuka dan tertutup. (Rujuk lampiran C). Keputusan dalam ujian sebelum tindakan dianalisis untuk melihat pencapaian murid ini dalam penguasaan bacaan Jawi sebelum menggunakan kad imbasan bergambar.

Setelah proses PdP menggunakan kad imbasan bergambar diaplikasikan, ujian Ujian Pos (*Post-Test*) pula dijalankan ke atas responden untuk melihat keberkesanan kad imbasan bergambar terhadap penguasaan bacaan suku kata Jawi dengan menggunakan set soalan yang sama tetapi bergambar. Ujian Pos (*Post-Test*) dijalankan untuk menilai keberkesanan kad imbasan bergambar pada peringkat akhir kajian.

Setelah selesai ujian, keputusan ujian dianalisis dan dibandingkan di antara keduanya iaitu sebelum dan selepas untuk menilai keberkesanan bimbingan menggunakan kad imbasan bergambar yang telah digunakan. Keputusan ujian sebelum dan selepas tindakan dianalisis berdasarkan *rubric* pemarkahan dan dianalisis dalam

bentuk markah mentah untuk menunjukkan soalan ujian selepas tindakan yang telah digunakan. (Rujuk Lampiran C)

3.5.2 Pemerhatian

Pemerhatian merupakan antara kaedah yang paling sesuai untuk memerhati tingkah laku individu dalam sesuatu peristiwa yang dikaji (Burn, 1995). Ia membolehkan seseorang pengkaji mengkaji interaksi yang berlaku, aktiviti yang dilakukan dan gerak geri partisipan yang dikaji. Teknik pemerhatian membolehkan pengumpulan data dilakukan secara terus. Atkinson & Hammersley (1994) dalam Denzin & Lincoln, dalam Buku Panduan Penyelidikan menyatakan *“perlu diingat, dari suatu segi, semua kajian melibatkan pemerhatian kerana kita tidak dapat meneliti dunia sosial tanpa menjadi sebahagian daripadanya”*.

Semasa pemerhatian, perkara-perkara yang diperhatikan akan dicatat di dalam borang pemerhatian yang telah disediakan. Pemerhatian dibuat sebanyak dua kali. Kali pertama ialah semasa proses PdP tanpa menggunakan kad imbasan bergambar dan kali kedua semasa proses PdP menggunakan kad imbasan bergambar. Antara perkara yang difokuskan semasa pemerhatian adalah seperti dalam lampiran B dan C di bahagian lampiran kajian. Data yang telah diisi akan dilaporkan pada bahagian dapatan kajian. Hasil dapatan kedua-dua pemerhatian ini akan dibanding beza bagi mendapatkan perbezaan antara semasa sebelum mengaplikasikan kad imbasan bergambar dan juga semasa selepas mengaplikasikan kad imbasan bergambar di dalam PdP. Melalui pemerhatian, keseronokan responden semasa menggunakan kad imbasan bergambar sebagai bahan bantu mengajar dapat dilihat. Semasa membuat analisis, borang pemerhatian yang dicatat diperiksa bagi mendapatkan data kajian.

3.5.3 Temu bual

Teknik temu bual adalah salah satu kaedah pengumpulan data yang turut digunakan dalam kajian ini. Temu bual dijalankan secara individu selepas proses PdP dijalankan. Dapatan temu bual telah dinyatakan pada bahagian analisis data dalam bab 4. Sesi temu bual dijalankan terhadap enam partisipan ini adalah untuk mendapatkan maklum balas mereka terhadap pelaksanaan PdP menggunakan kad imbasan bergambar suku kata terbuka dan tertutup Jawi. Beberapa soalan diajukan berkaitan PdP dan juga perasaan mereka terhadap PdP yang telah dijalankan.

Temu bual direkod dan proses transkrip dibuat iaitu rakaman temu bual dalam bentuk audio kepada bentuk bertulis dan bertaip supaya mudah dibaca dan difahami. Lampiran F menunjukkan transkripsi temu bual. Melalui sesi temu bual yang telah dijalankan menggunakan teknik temu bual separa berstruktur, responden menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan keberkesanan kad imbasan bergambar terhadap tahap penguasaan Jawi ke atas mereka. Kesemua pandangan yang diberikan responden dalam kajian ini dikumpul, direkod dan dihasilkan dalam bentuk transkripsi agar dapat difahami dengan lebih mendalam dan terperinci transkripsi

3.6 Analisis Data

Analisis data telah dibuat melalui data kualitatif. Dalam kajian ini 10 item soalan Jawi telah disediakan di dalam Ujian Pra (*Pre-Test*) dan Ujian Pos (*Post-Test*). Ujian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh manakah tahap pemahaman dan penguasaan partisipan dalam kemahiran membaca suku kata terbuka dan tertutup. Data yang diperolehi akan dibanding beza antara kedua-dua ujian ini untuk mengetahui tahap peningkatan pemahaman dan penguasaan murid setelah menggunakan kaedah kad

imbasan bergambar. Data yang diperolehi dianalisis dalam bentuk peratus dan diterjemahkan dalam bentuk graf peratusan.

Sekiranya peratusan Ujian Pos (*Post-Test*) lebih baik daripada peratusan dalam Ujian Pra (*Pre-Test*), ia menunjukkan terdapat perubahan dalam pemahaman dan pengetahuan responden dalam kemahiran membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi. Tahap pemahaman responden dikira berdasarkan peratus yang diperolehi. Peratusan yang rendah menunjukkan responden mempunyai pemahaman dan penguasaan yang lemah manakala peratusan yang tinggi menunjukkan mereka mempunyai tahap penguasaan dan pemahaman yang tinggi terhadap kemahiran membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi.

Analisis data juga dibuat melalui hasil temu bual bersama responden yang dijalankan selepas proses PdP menggunakan kad imbasan bergambar. Temu bual yang direkod dan proses transkripsi yang dibuat dianalisis dengan lebih terperinci dan teliti untuk menjawab persoalan mengenai perasaan responden semasa pros PdP dijalankan dan keberkesanannya terhadap kefahaman responden.

3.7 Kesimpulan

Bahagian ini telah melaporkan secara mendalam tentang metodologi kajian. Ianya merangkumi kaedah-kaedah yang digunakan semasa kajian dan juga proses pengumpulan data yang telah digunakan untuk mendapatkan data kajian. Setiap dapatan kajian yang telah diperolehi akan dianalisis dan dilaporkan pada bahagian analisis data. Fokus kajian lebih tertumpu kepada murid yang lemah dalam kemahiran membaca Jawi. Penggunaan kad imbasan bergambar yang dilaksanakan banyak membantu murid dalam menguasai kemahiran membaca Jawi dengan lebih baik. Data-data yang dikutip daripada pemerhatian, ujian dan temu bual akan menjadi pengukur dalam kajian ini.

Dapatan kajian dan maklumat-maklumat yang diperolehi melancarkan proses penyelidikan ini.

BAB EMPAT

ANALISIS DATA

4.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang daripada ujian diagnostik, pemerhatian, pencapaian partisipan di dalam Ujian Pra (*Pre-Test*) dan Ujian Pos (*Post-Test*) yang dijalankan sebelum dan selepas penggunaan kad imbasan bergambar dalam proses PdP serta temu bual yang dilakukan bersama responden. Peningkatan pencapaian dalam Ujian Pos (*Post-Test*) dijadikan sebagai ukuran terhadap keberkesanan penggunaan kad imbasan bergambar dalam meningkatkan kemahiran membaca suku kata Jawi, manakala temu bual yang dijalankan adalah untuk melihat persepsi responden terhadap penggunaan kad imbasan bergambar sebagai bahan bantu mengajar dalam meningkatkan kemahiran membaca. Data-data yang diperolehi menerusi pemerhatian, keputusan ujian, perbandingan pencapaian dan maklum balas temu bual yang dilakukan bersama responden selepas proses PdP akan dianalisis dan dikemukakan laporan dalam bentuk jadual dan graf.

4.1 Ujian Diagnostik

Ujian diagnostik secara awal telah dijalankan ke atas 24 orang murid tahun 5 Yakin. Ujian ini bertujuan untuk mengenal pasti murid lemah dalam kemahiran membaca Jawi yang akan dipilih sebagai sampel kajian. Ujian ini menggunakan satu set soalan yang meliputi ujian membaca suku kata Jawi. Murid diminta merumikan perkataan ejaan Jawi kepada ejaan rumi, memadankan perkataan ejaan Jawi kepada perkataan ejaan rumi yang telah disediakan serta memadankan gambar dengan perkataan Jawi yang


telah disediakan. Berikut merupakan keputusan yang direkod hasil ujian diagnostik yang telah dijalankan.

4.1.1 Analisis Ujian Diagnostik

Jadual 4.1: Markah Ujian Diagnostik Mengikut Gred

MARKAH (%)	BILANGAN MURID (Orang)
0-19 (sangat lemah)	6
20-39 (lemah)	5
40-59 (sederhana)	10
60-79 (baik)	3
80-100 (cemerlang)	0
JUMLAH	24 ORANG

Rajah 4.1: Markah Ujian Diagnostik Mengikut Gred



Berdasarkan data yang diperolehi daripada keputusan ujian diagnostik yang dijalankan, ia menunjukkan terdapat kelemahan dalam penguasaan kemahiran membaca Jawi dalam kalangan murid. Jadual 4.1 menunjukkan bahawa tidak ada murid yang mendapat keputusan yang cemerlang (A). Keputusan B hanya seramai tiga orang dan murid yang meperolehi gred C adalah yang paling ramai iaitu 10 orang. Murid yang mendapat gred D seramai lima orang manakala seramai enam orang murid berada pada tahap yang paling lemah (E). Namun begitu, hanya mereka yang berada pada tahap yang paling lemah (E) sahaja dipilih menjadi sampel dalam kajian ini.

4.2 Pemerhatian

Dalam kajian ini, pemerhatian dilakukan semasa proses PdP dan untuk merekod perubahan tingkah laku murid. Kedua-duanya menggunakan instrumen pemerhatian berstruktur dalam bentuk borang.

4.2.1 Analisis Pemerhatian 1

Pemerhatian satu telah dilakukan semasa proses PdP tanpa menggunakan kad imbasan bergambar dan semasa proses PdP menggunakan kad imbasan bergambar. Pemerhatian dilakukan dengan menggunakan instrumen pemerhatian berstruktur dalam bentuk borang pemerhatian yang menggunakan jawapan “Ya” atau “Tidak”. Data yang diperolehi kemudiannya dilakukan perbandingan untuk melihat persepsi murid terhadap teknik pengajaran guru. Jadual 4.2 menunjukkan analisis pemerhatian semasa proses PdP tanpa menggunakan kad imbasan bergambar sebagai bahan bantu mengajar.

**Jadual 4. 2: Analisis Pemerhatian Semasa PdP Tanpa Menggunakan Kad
Imbasan Bergambar**

Bi	Item	Sebelum	
		Ya	Tidak
1			
1	Murid bersedia untuk memulakan pembelajaran sejurus guru memasuki kelas.	0	6
2	Murid memberi perhatian terhadap pengajaran guru.	2	4
3	Murid mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan.	2	4
4	Guru menggunakan kaedah pengajaran yang menarik dan sistematik.	0	6
5	Murid dapat membaca perkataan dengan lebih mudah.	0	6


Melalui analisis Jadual 4.2, didapati kesemua responden tidak bersedia untuk memulakan pembelajaran sejurus guru memasuki kelas. Hanya dua orang responden memberi perhatian terhadap pengajaran guru dan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan. Keenam-enam responden beranggapan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru tidak menarik yang menyebabkan kesemua responden bersetuju bahawa kaedah yang digunakan oleh guru tidak memudahkan mereka mengingat perkataan. Jadual 4.3 menunjukkan analisis pemerhatian semasa proses PdP menggunakan kad imbasan bergambar sebagai bahan bantu mengajar.

Jadual 4.3: Analisis Pemerhatian Semasa PdP Menggunakan Kad Imbasan Bergambar

Bi	Item	Selepas	
		Ya	Tidak
1	Murid bersedia untuk memulakan pembelajaran sejurus guru memasuki kelas.	6	0
2	Murid memberi perhatian terhadap pengajaran guru.	6	0
3	Murid mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan.	6	0
4	Guru menggunakan kaedah pengajaran yang menarik dan sistematik.	6	0
5	Murid dapat membaca perkataan dengan lebih mudah.	6	0

Melalui analisis Jadual 4.3, didapati bahawa penggunaan kad imbasan bergambar dalam pengajaran membaca suku kata terbuka dan tertutup dapat membantu responden bersedia untuk memulakan pembelajaran dan mereka dapat memberi perhatian terhadap pengajaran guru. Secara keseluruhannya, responden juga terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan serta mereka juga lebih mudah untuk membaca perkataan yang mengandungi suku kata terbuka dan tertutup.

Rajah 4.2: Analisis Perbandingan di Antara Proses PdP Tanpa Menggunakan Kad Imbasan Bergambar Dengan Proses PdP Menggunakan Kad Imbasan Bergambar



Berdasarkan Rajah 4.2, jika dilihat pada item 1, kesemua responden bersedia untuk memulakan pembelajaran sejourus guru memasuki kelas selepas penggunaan kad imbasan bergambar yang perkataan suku kata terbuka dan tertutup berbanding tiada seorang pun yang bersedia untuk memulakan pembelajaran sebelum penggunaannya. Pada item 2, kesemua responden memberi perhatian terhadap pengajaran guru berbanding hanya dua orang sebelum penggunaan kad suku kata terbuka dan tertutup bergambar. Begitu juga pada item 3, kesemua responden mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan selepas penggunaan kad imbasan bergambar

berbanding hanya dua orang sebelum penggunaannya. Seterusnya untuk item 4 dan item 5, analisis menunjukkan bahawa penggunaan kad imbasan bergambar menjadikan kaedah pengajaran lebih menarik dan sistematik serta murid dapat menyebut dan membaca perkataan dengan lebih mudah.

4.2.2 Analisis Borang Pemerhatian 2

Melalui kaedah pemerhatian ini, perubahan tingkah laku tiap-tiap partisipan semasa proses PdP telah diperhatikan dan dicatat di dalam borang pemerhatian yang dinamakan borang anekdot seperti mana lampiran C. Terdapat enam borang anekdot yang disediakan bagi tujuan tersebut.

Berdasarkan dapatan daripada analisis borang pemerhatian tersebut dapat dirumuskan bahawa keenam-enam partisipan dilihat lebih bersedia dan memberi tumpuan terhadap pengajaran guru. Keenam-enam partisipan juga telah mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan. Mereka juga tidak sabar untuk membaca perkataan suku kata terbuka dan tertutup selepas penggunaan kaedah ini. Mereka tidak lagi membuat bising dan sentiasa memberi tumpuan dan seronok semasa proses PdP berlangsung.

Selain itu, majoriti partisipan sudah mula menunjukkan kebolehan membaca perkataan dari suku kata terbuka dan tertutup dengan cepat. Mereka kelihatan lebih yakin, ceria dan seronok semasa semasa proses PdP berlangsung. Tingkah laku ini berlaku disebabkan kaedah ini menarik minat dan tumpuan murid menyebabkan partisipan dapat membaca perkataan dengan betul dan lebih mudah.

4.3 Ujian


Dalam kajian ini, penilaian bertulis telah dilakukan sebanyak dua kali dalam bentuk Ujian Pra dan Ujian Pos yang dilaksanakan sebelum dan selepas kad imbasan bergambar diaplikasikan di dalam PdP Jawi. Ujian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan kad imbasan bergambar sebagai bahan bantu mengajar dalam meningkatkan kemahiran membaca Jawi dalam kalangan murid.

4.3.1 Analisis Ujian Pra

Ujian Pra dilaksanakan bagi mengetahui tahap pencapaian awal murid sebelum mengikuti rawatan dalam tempoh pelaksanaan kajian. Berikut merupakan keputusan yang direkod hasil Ujian Pra yang dijalankan.

Jadual 4.4: Pencapaian Partisipan Dalam Ujian Pra Sebelum Penggunaan Kad**Imbasan Bergambar**

Bi l	Perkataan	Partisipan					
		1	2	3	4	5	6
1.	سروناي <input type="checkbox"/>	X	X	X	X	X	X
2.	فايوغ	X	X	/	/	X	X
3.	كاجوس	/	/	/	X	X	/
4.	كومقوتر	x	X	X	X	X	X
5.	تراتاي	/	X	X	X	X	X
6.	كيشس	X	X	X	X	/	/
7.	كاسوت	X	X	X	/	X	X
8	چنداون	X	X	X	X	X	X
9.	باسيكل	/	X	X	/	/	/
10	لاير	X	X	X	X	X	X
Jumlah		3 (30%)	1(10%)	2 (20%)	3 (30%)	2 (20%)	4 (40%)

Rajah 4.3: Markah Ujian Pra Murid Tahun Lima Yakin

Berdasarkan Jadual 4.4 dan Rajah 4.3, pencapaian Ujian Pra menunjukkan responden keenam hanya memperolehi empat markah (40%) daripada sepuluh markah penuh (100%). Responden pertama dan partisipan keempat masing-masing memperolehi tiga markah (30%). Manakala partisipan ketiga dan kelima memperolehi dua markah (20%). Partisipan kedua hanya memperolehi satu markah (10%). Ini menunjukkan tidak ada partisipan yang memperolehi sekurang-kurangnya lima markah (50%) daripada sepuluh markah (100%).


4.3.2 Analisis Ujian Pos

Ujian pos telah dilaksanakan setelah partisipan selesai mengikuti rawatan menggunakan kad imbasan bergambar. Berikut merupakan keputusan yang direkod hasil ujian pos yang telah dijalankan.

Jadual 4.5: Pencapaian Responden Dalam Ujian Pos Selepas Penggunaan Kad**Imbasan Bergambar**

Bi l	Perkataan	Responden					
		1	2	3	4	5	6
1.	سروناي <input type="checkbox"/>	x	x	x	/	x	x
2.	فايوغ	/	x	/	/	x	/
3.	كاجوس	/	/	x	/	x	/
4.	كومقوتر	/	x	x	/	/	/
5.	تراتاي	/	/	/	x	/	/
6.	كيشس	x	/	/	/	/	/
7.	كاسوت	/	x	/	/	x	/
8	چنداون	/	/	/	x	/	/
9.	باسيكل	x	/	/	/	/	/
10	لاير	/	x	x	/	/	/
Jumlah		7 (70%)	5(50%)	6 (60%)	8 (80%)	6 (60%)	9 (90%)

Rajah 4.4: Markah Ujian Pos Murid Tahun Lima Yakin



Berdasarkan Rajah 4.5, pencapaian ujian pos menunjukkan responden keenam telah memperolehi markah tertinggi iaitu sembilan markah (90%). Markah kedua tertinggi diperolehi oleh responden keempat iaitu lapan markah (80%). Ini diikuti oleh responden pertama memperolehi tujuh markah (70%) dan responden ketiga dan kelima masing-masing enam markah (60%) manakala markah yang paling rendah diperolehi oleh responden kedua iaitu lima markah (50%).


4.3.3 Analisis Perbezaan Pencapaian Murid Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos

Ujian Pra dan Ujian Pos telah dilaksanakan ke atas enam orang responden untuk menilai dan menguji keberkesanan kad imbasan bergambar. Jadual 4.6 menunjukkan perbezaan keputusan markah Ujian Pra dan Ujian Pos yang telah dijalankan.

Jadual 4.6: Perbezaan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos

Partisipan	Keputusan Ujian Pra (%)	Keputusan Ujian Pos (%)	Peningkatan Markah (%)
R1	30	70	40
R2	10	50	30
R3	20	60	40
R4	30	80	50
R5	20	60	40
R6	40	90	50

Rajah 4.5 : Peratus Perbezaan Markah Pencapaian Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos



Jadual 4.5 dan Rajah 4.6 menunjukkan perbezaan markah Ujian Pra dan Ujian Pos yang diperolehi oleh responden sebelum dan selepas menggunakan kad imbasan bergambar. Bacaan markah keenam-enam responden menunjukkan peningkatan markah yang amat baik dalam Ujian Pos berbanding keputusan Ujian Pra, Semasa Ujian Pra, kesemua responden mendapat keputusan yang sangat tidak memuaskan tetapi keputusan Ujian Pos menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 83% setelah menggunakan kad imbasan bergambar. Pencapaian ini membuktikan bahawa bimbingan menggunakan kad imbasan bergambar telah dapat membantu responden dalam membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi dengan baik.

4.4 Temu Bual

Untuk mendapatkan maklum balas murid ke atas kajian yang dijalankan, teknik temu bual separa berstruktur digunakan. Hasil daripada analisis temu bual didapati keenam-enam responden menyatakan bahawa mereka seronok dan berminat belajar Jawi menggunakan kad imbasan bergambar. Sesi temu bual ini membolehkan responden menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan perasaan dan keberkesanan penggunaan kad imbasan bergambar dalam membantu meningkatkan kemahiran membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi. Beberapa maklum balas positif daripada hasil dapatan temu bual responden adalah seperti berikut:

4.4.1 Analisis Temu Bual Soalan 1

Jadual 4.7: Transkrip Temu Bual Soalan 1

<p>TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA 6 ORANG SUBJEK KAJIAN</p> <p>SOALAN 1: Bagaimanakah perasaan kamu apabila belajar Jawi menggunakan kad imbasan bergambar?</p>	
R1	: Best ustazah!! (nada teruja)
R2	: Seronok ustazah !!
R3	: Saya suka! (nada teruja), cantik!!
R4	: Best la ustazah, lain kali buat la macam ni!
R5	: Saya pun suka ustazah!!
R6	: Best sangat ustazah.. kalau hari-hari mesti best!

Jadual 4.7 menunjukkan transkrip temu bual soalan 1 yang diajukan kepada enam orang responden adalah, bagaimanakah perasaan awak belajar Jawi dengan menggunakan kad imbasan? Jawapan yang diberikan oleh kesemua responden adalah semua dalam nada yang sangat teruja dan seronok. Oleh yang demikian, ini boleh dirumuskan bahawa penggunaan kad imbasan bergambar ini menjadikan kesemua responden keseluruhannya seronok belajar Jawi.

4.4.2 Analisis Temu Bual Soalan 2

Jadual 4.8: Transkrip Temu Bual Soalan 2

TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA 6 ORANG SUBJEK KAJIAN	
SOALAN 2: Adakah belajar dengan menggunakan kad imbasan bergambar ini dapat membantu kamu mengingati perkataan yang dipelajari?	
R1	: Boleh ustazah, sebab dia ada gambar!!
R2	: Senang ingat ustazah, sebab ada gambar.
R3	: Saya pun boleh!!
R4	: Ya boleh, ustazah..
R5	: Saya pun boleh!!
R6	: Insha Allah, cikgu!!

Jadual 4.8 menunjukkan transkrip temu bual soalan 2 yang telah diajukan kepada enam orang responden ialah adakah belajar dengan menggunakan kad imbasan bergambar ini dapat membantu kamu mengingati perkataan yang dipelajari? Keseluruhan responden memberikan respon yang positif bahawa kaedah ini dapat membantu mereka dengan mudah untuk mengingati perkataan yang dipelajari.

4.4.3 Analisis Temu Bual Soalan 3

Jadual 4.9: Transkrip Temu Bual Soalan 3

<p>TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA 6 ORANG SUBJEK KAJIAN</p> <p>SOALAN 3: Bagaimana pembelajaran dengan menggunakan kad imbasan bergambar dapat membantu kamu membaca suku kata terbuka dan tertutup?</p>	
R1	: Saya suka tengok gambar-gambar yang menarik.
R2	: Gambar besar-besar senang nampak ustazah!!
R3	: Nanti senang ingat..
R4	: Belajar tak bosan...
R5	: Mmmm....saya suka yang warna-warni sebab banyak gambar..
R6	: Saya senang faham bila nampak gambar...

Jadual 4.9 menunjukkan transkrip temu bual soalan 3 yang diajukan kepada enam orang responden iaitu bagaimana pembelajaran dengan menggunakan kad imbasan bergambar, dapat membantu kamu membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi? Kesemua responden secara keseluruhannya berasa seronok jika pengajaran dijalankan dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang berwarna-warni dan mempunyai banyak gambar. Hal ini akan meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari tajuk ini dengan baik. Di samping itu, ianya dapat mengelakkan perasaan bosan dikalangan mereka.

4.4.4 Analisis Temu Bual Soalan 4

Jadual 4.10: Transkrip Temu Bual Soalan 4

<p>TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA 6 ORANG SUBJEK KAJIAN</p> <p>SOALAN 4: Jika saya menggunakan kad imbasan bergambar, adakah ia akan membantu kamu membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi?</p>	
R1	: Ya, boleh ustazah..
R2	: Ya..sebab menarik sangat..
R3	: Boleh..insha Allah..
R4	: Ya..
R5	: Boleh...
R6	: Boleh ustazah...

Jadual 4.10 menunjukkan transkrip temu bual soalan 4 yang diajukan kepada enam orang responden iaitu, jika saya menggunakan kad imbasan bergambar, adakah ia akan membantu kamu membaca suku kata tertutup Jawi? Kesemua responden secara keseluruhannya menyetujui soalan saya dengan mengatakan “ya” dan setuju. Riak muka responden dapat dilihat begitu seronok dan yakin apabila soalan tersebut diajukan dan juga jelas dapat dilihat semasa menjalankan kajian serta menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kad imbasan bergambar.

4.4.5 Analisis Temu Bual Soalan 5

Jadual 4.11: Transkrip Temu Bual Soalan 5

TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA 6 ORANG SUBJEK KAJIAN	
SOALAN 5: Adakah pembelajaran menggunakan kad imbasan bergambar dapat meningkatkan minat dan motivasi kamu untuk belajar Jawi?	
R1	: Ya..saya suka dengan pelajaran Jawi.
R2	: Ya ustazah, bukan susah sangat pun nak belajar tajuk ni..
R3	: Ya cikgu ..saya suka belajar Jawi..
R4	: Mmmm...sekarang saya dah minat Jawi ustazah...
R5	: Boleh ustazah, sebab dia nampak menarik...
R6	: Ya, saya senang faham dan boleh baca dengan mudah...

Jadual 4.11 menunjukkan transkrip temu bual soalan 5 yang telah diajukan pada enam orang responden iaitu, adakah pembelajaran menggunakan kad imbasan bergambar dapat meningkatkan minat dan motivasi kamu untuk belajar Jawi? Kesemua responden secara keseluruhannya bersetuju dengan menggunakan kad imbasan bergambar dapat meningkatkan minat dan motivasi dalam mempelajari Jawi. Mereka berasa seronok dan mudah untuk memahami isi kandungan mata pelajaran Jawi yang diajar di dalam kelas.

4.4 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi. Dapatan kajian ini telah diperolehi daripada pelaksanaan ujian diagnostik, pemerhatian ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan serta rekod temu bual penyelidik dengan responden. Dapatan kajian ini juga telah menjawab beberapa persoalan kajian pada awal penulisan ini. Berdasarkan analisis data ini boleh dirumuskan bahawa terdapat perbezaan pencapaian murid dalam membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi di antara sebelum dan selepas menggunakan kad imbasan bergambar di mana pencapaiannya adalah lebih baik selepas penggunaan kad imbasan bergambar. Dapatan kajian ini juga menjawab persoalan kajian tentang persepsi murid terhadap penggunaan kad imbasan bergambar di mana kesemua responden merasa lebih seronok dan bertambah minat untuk belajar Jawi berbanding sebelumnya. Kaedah ini juga didapati membantu guru untuk menarik minat murid serta dapat meningkatkan penguasaan Jawi dalam mengeja, menyebut dan membaca Jawi dengan betul. Diharapkan dengan adanya kaedah ini minat murid-murid terhadap kemahiran membaca Jawi semakin bertambah dan menjadikan bidang Jawi semakin diminati oleh semua generasi akan datang.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini memberi tumpuan kepada perbincangan hasil kajian dalam bab 4. Bagi memberikan gambaran yang jelas dan menyeluruh, bab ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu ringkasan kajian, perbincangan kajian, cadangan dan kajian lanjutan serta kesimpulan. Beberapa cadangan kajian lanjutan dikemukakan kepada pihak-pihak yang terbabit berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada hasil analisis dalam bab 4. Selain itu, cadangan kajian lanjutan tersebut adalah berdasarkan apa yang dirasakan perlu oleh pengkaji untuk dijadikan rujukan atau panduan kepada mereka yang terlibat.

5.1 Rumusan Hasil Kajian

Berdasarkan kepada keseluruhan dapatan kajian yang telah diperolehi, dapatlah dirumuskan bahawa setelah mengaplikasikan kaedah kad imbasan bergambar dalam proses PdP Jawi, didapati bahawa kaedah yang digunakan amat membantu meningkatkan kemahiran murid dalam membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi. Grafik yang berwarna-warni menarik minat murid serta meningkatkan daya tumpuan murid semasa proses PdP. Murid kelihatan lebih yakin dan aktif jika dibandingkan sebelum penggunaan kad imbasan bergambar di mana mereka kelihatan pasif dan diam serta malu-malu apabila diminta membaca atau menyebut suku kata yang telah diberikan oleh guru. Penguasaan kemahiran membaca ini seterusnya akan meningkatkan minat dan keseronokan untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini bertepatan dengan apa yang diperkatakan oleh Kang Kyong Seouk (1990).

Beliau menyatakan bahawa tulisan Jawi merupakan satu medium asas dalam proses PdP Pendidikan Islam di sekolah-sekolah di Malaysia. Oleh itu sekiranya penguasaan murid terhadap asas tulisan dan bacaan Jawi itu sendiri agak lemah, maka murid akan ketinggalan jauh dalam mengikuti pengajaran Pendidikan Islam yang disampaikan oleh guru.

5.2 Perbincangan Hasil Kajian

Kad imbasan bergambar merupakan salah satu medium berkesan dalam PdP Jawi. Penggunaannya sebagai bahan bantu mengajar dalam proses PdP dapat membantu guru meningkatkan kemahiran membaca suku kata Jawi dalam kalangan murid yang lemah. Peningkatan pencapaian murid sebanyak 83% di dalam Ujian Pos setelah proses PdP Jawi dilaksanakan dengan menggunakan kad imbasan bergambar membuktikan keberkesanannya dalam meningkatkan kemahiran membaca suku kata Jawi. Ini kerana di dalam proses pembelajaran, murid memerlukan rangsangan terhadap organ-organ deria untuk menerima maklumat-maklumat baru dan menghasilkan kefahaman terhadap maklumat yang diterima.

Aspek pemilihan kaedah dan teknik PdP merupakan elemen yang paling penting dalam mencapai sesuatu objektif pembelajaran. Pemilihan kaedah dan teknik yang sesuai dalam proses PdP mampu mewujudkan suasana pembelajaran Jawi yang positif. Grafik berwarna warni yang terdapat pada gambar dalam kad imbasan menjadikan fokus murid lebih terarah kepada pembelajaran yang dilalui. Melalui pemerhatian dalam proses PdP Jawi menggunakan kaedah kad imbasan bergambar, didapati murid begitu teruja dan aktif serta kelihatan berani untuk cuba menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru secara lisan. Berbeza dengan ketika proses PdP Jawi tanpa menggunakan kaedah kad

imbasan bergambar. Murid kelihatan diam dan pasif serta kurang memberikan tumpuan semasa guru mengajar.

Dari sudut motivasi, proses PdP Jawi menggunakan kad imbasan bergambar lebih menarik minat murid berbanding proses PdP tanpa menggunakan kad imbasan bergambar. Melalui temu bual yang dilakukan selepas proses PdP Jawi menggunakan kad imbasan bergambar, murid mengatakan pengajaran Jawi dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah sangat menyeronokkan. Kad imbasan yang digunakan oleh guru ketika di peringkat set induksi, isi pengajaran atau penutup proses PdP yang dijalankan sangat menarik minat partisipan untuk menguasai kemahiran membaca Jawi. Pengalaman yang dilalui oleh murid di dalam proses PdP menggunakan kad imbasan bergambar menimbulkan rasa minat dan perasaan ingin tahu di dalam pembelajaran Jawi. Kad imbasan bergambar kerana mereka rasa lebih mudah untuk memahami dan mengingat dengan lebih lama sesuatu tajuk yang dipelajari.

Secara keseluruhannya peningkatan pencapaian murid yang sangat menggalakkan selepas penggunaan kad imbasan bergambar sebagai bahan bantu mengajar menunjukkan bahawa kad imbasan bergambar sangat berkesan dalam meningkatkan kemahiran membaca suku kata Jawi. Murid boleh menyebut dan membaca suku kata terbuka dan tertutup dengan dengan mudah selepas proses PdP dilaksanakan dengan menggunakan kad imbasan bergambar. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Baharudin dan zaidatun (2001) yang menyatakan bahawa penggunaan grafik dapat menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan kerana segala bentuk mesej yang diterima manusia melalui penglihatan mempunyai daya ketahanan serta daya ingatan yang lebih tinggi sekiranya direka bentuk dengan tepat.

5.3 Cadangan Kajian

Kajian yang telah dijalankan sangat berguna dan memperlihatkan hasil yang berkesan. Melalui pengalaman dan pemerhatian yang telah dijalankan selama menjalankan kajian ini, terdapat peningkatan dari segi prestasi murid dan persepsi yang positif dalam kalangan murid. Berdasarkan pengalaman menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran melalui kad imbasan bergambar ini serta analisis daripada temu bual yang dijalankan, seharusnya beberapa pihak yang perlu mengambil perhatian dan kajian lanjutan perlu dijalankan bagi mendapatkan keputusan yang lebih efektif. Beberapa cadangan dikemukakan kepada pihak-pihak berkenaan di mana cadangan tersebut boleh diguna pakai oleh pihak terbabit. Antaranya ialah:

5.3.1 Cadangan Kepada Pihak guru

Guru merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kecemerlangan murid dalam akademik. Oleh yang demikian, setiap guru perlu meningkatkan penguasaan dan kemahiran PdP di dalam kelas melalui penggunaan bahan bantu mengajar. Penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik dan sistematik akan dapat membantu murid meningkatkan tahap kefahaman dan kemahiran pada setiap isi pelajaran melalui penyampaian yang berkesan seorang guru. Guru-guru mata pelajaran Jawi haruslah mengambil peluang ini untuk memperbaiki proses PdP di dalam kelas agar murid akan lebih cenderung dan minat mempelajari Jawi. Penggunaan kad imbasan bergambar bukan sahaja terhad kepada bahan bantu mengajar bagi mata pelajaran Jawi, namun ianya juga boleh diguna pakai pada mata pelajaran teras lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik serta matapelajaran elektif yang lain.

5.3.2 Cadangan Kepada Pihak sekolah

Pihak sekolah melalui guru besar atau pengetua sekolah haruslah menggalakkan guru-guru untuk melakukan inovasi dalam penyampaian proses PdP di dalam kelas terutamanya dalam penggunaan bahan bantu mengajar. Pihak pentadbiran juga haruslah menggalakkan guru-guru berusaha meningkatkan amalan PdP yang sedia ada ke arah yang lebih efektif, fleksibel dan mudah sesuai dengan perkembangan arus perubahan pendidikan negara.

5.3.3 Cadangan Kepada Pihak Institut Pendidikan Guru (IPG)

Para guru terutamanya guru pelatih perlu mempunyai inisiatif dan kreativiti dalam menghasilkan alat bantu mengajar supaya pelajar lebih berminat untuk mengikuti proses PdP mereka. Usaha yang lebih giat perlu ditingkatkan kepada bakal guru melalui pendidikan di IPG dalam memastikan bakal-bakal guru yang dilahirkan mampu melakukan perubahan dalam proses PdP sesuai dengan kehendak murid zaman kini. Proses bimbingan dan tunjuk ajar oleh oleh pensyarah IPG diperlukan supaya bakal-bakal guru ini akan sentiasa berusaha membaiki amalan latihan mengajar dengan lebih baik dan berkesan.

5.3.4 Cadangan Kepada Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Pihak KPM seharusnya memberi pendedahan yang lebih luas kepada guru-guru sekolah terutamanya dalam pembinaan bahan bantu mengajar di dalam kelas. Program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang lebih kerap harus diadakan lebih kerap agar guru-guru dapat melibatkan diri supaya proses PdP lebih berkesan dan berinovatif. Pihak KPM juga haruslah menerap dan menyemai sikap amalan inovatif kepada guru-guru sekolah agar sistem pendidikan negara akan lebih maju, produktif dan berinovatif.

5.3.5 Cadangan Kepada Pihak Penyelidik

Kajian ini telah dijalankan terhadap murid yang mengalami masalah dalam pembelajaran Jawi. Oleh yang demikian, diharap kajian seterusnya dapat dijalankan terhadap mata pelajaran lain terutamanya mata pelajaran teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan juga sains dengan kumpulan sasaran lain yang lebih ramai supaya hasil dapatan kajian lebih besar dan meningkatkan kebolehpercayaan serta kesahan sesuatu kajian. Suatu kajian yang dijalankan pada kumpulan sasaran yang lebih ramai, maka skop masalah dan proses pemulihan akan lebih berkesan dan memberikan kepuasan kepada pengkaji. Pengkaji juga disarankan melakukan kajian lanjutan menggunakan pendekatan bercantum iaitu kualitatif dan kuantitatif. Hal ini kerana pendekatan bercantum dalam sesuatu kajian akan menambahkan lagi kekayaan isinya dan menyempurnakan kekurangan daripada sesuatu pendekatan sama ada daripada pendekatan kualitatif atau daripada pendekatan kuantitatif.

5.4 Kesimpulan

Secara umumnya, dapatlah dirumuskan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar berbentuk kad imbasan bergambar dapat meningkatkan kemahiran membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi dalam kalangan murid. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran Jawi. Kajian ini telah membuktikan bahawa kad imbasan bergambar dapat meningkatkan kemahiran murid membaca suku kata Jawi dengan jayanya berdasarkan dapatan dan analisis yang diperolehi sepanjang kajian ini dijalankan.

Guru perlu memainkan peranan yang proaktif untuk mencapai objektif pembelajaran yang disasarkan. Hal ini akan lebih baik apabila guru menggunakan pendekatan kaedah PdP yang efektif. Penggunaan kad imbasan bergambar merupakan salah kaedah yang

efektif dalam meningkatkan kemahiran dan kefahaman terhadap mata pelajaran yang diajar. Kepelbagaian bahan bantu mengajar merupakan salah satu usaha yang perlu dilakukan oleh guru untuk memastikan malar dan objektif PdP berjalan dengan baik dan berkesan.

Dengan adanya hasil dapatan kajian ini, adalah diharapkan bahawa kajian ini dapat membantu warga pendidik untuk memperbaiki mutu dan kualiti amalan PdP dalam bilik darjah kepada yang lebih baik dan sistematik. Murid yang lemah diharapkan terus diberi bimbingan agar berlaku kesinambungan pembelajaran dan mengurangkan keciciran.

Rujukan:

- Abdul Rashid Jamian 2011. *Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1, 09
- Abdullah Abdul Kadir.1960. *Hikayat Abdullah Munshi bin Abdul Kadir Munshi*.Singapore: Malayan Publishing House.
- Abdullah Ali Hassan.1980. *The development of Islamic Education in Kelantan dalam Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: United Selangor
- Amri Daud. 2005. *Kajian Keberkesanan j-QAF di 2 Buah Sekolah Perintis di Terengganu*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Al-Kaylani, Majid Arsan. 2005. *Ahdaf altarbiyyah al-islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam, Emiriah Arab Bersatu
- Azman Wan Chik 1989. *Mengajar bahasa melayu Jilid 2: Latihan guru dan bahan*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azlan Shah Ibrahim 2009, *Permainan Kad Huruf Bergrafik Dalam Kemahiran Mengenal dan Menyebut Huruf Jawi Yang Sama Hampir Bentuk*. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pendidikan Islam . Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, 1-9
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Islam dan Moral (2005). *Buku panduan peraksanaan model-model pengajaran dan pembelajaran dan kokurikulum j-QAF Tahun 1*. Putrajaya: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia
- Ford, Le Roy 1982. *Administrating educational media: Instructional technology and library service*. New York. Mc Graw Hill Company.
- Gagne. R. M. 1977. *The conditions of learning*. 3rd.ed.USA : Holt, Rinehart and Winston.
- Haliza Hamzah dan Joy N. Samuel 2010. *Perkembangan kanak-kanak*: Cetakan Ketiga. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Haliza Osman 2009. *Aplikasi Warna Pada Huruf Vokal Jawi (ا , و , ي) Dalam Suku Kata Terbuka*. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pendidikan Islam amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms 204-218.
- Hassan Al. 1996. *Menndidik Anak Pintar*. Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributors Sdn. Bhd.
- Hasnurfarisha Hassan 2008. *Penggunaan Kad Imbasan Bergambar Membantu Meningkatkan kemahiran Membaca Murid*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan) IPG Lembah Pantai.
- Jamaluddin Harun, Baharuddin Aris & Zaidatun Tasir 2001. *Pembangunan Perisian multimedia: Satu pendekatan sistematik*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Jamaluddin Harun, Zaidatun Tasir 2002. *Macromedia authorware 6 siri 1 : Asas pembangunan aplikasi multimedia interaktif*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Margerat Lay Dopyera dan John Dopyera 1993. *Becoming a teacher of young children: fifth edition*. Singapore: Mc-Graw-Hill Book. Co.
- Md Asri Md Johar 2015. *Meningkatkan Penguasaan Sebutan Perkataan Berbantuan Kad Suku Kata Terbuka Jawi Bergambar*. Seminar Penyelidikan Kajian Tindakan PPG 2015. KPM
- Mok Soon Sang, Lee Shok Mee 1986. *Kurikulum baru sekolah rendah tahap 1 Siri maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Heinemann Malaysia Sdn. Bhd.

- Norma Hassan. 2004. *Hubungan di Antara Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dengan Minat elajar Tahun Lima di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Chepa, Kelantan. Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Diakses pada Februari 2016 dari <http://www.slideshare.net/hudaliciouss/hubungan-di-antara-penggunaan-bahan-bantu-mengajar-dengan-minat-pelajar-tahun-lima-di-sekolah-kebangsaan-kem-pengkalan-chepa-kelantan>
- Nik Rosila Yaakob. 2001. *Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaiannya Dalam Pendidikan Islam*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rafii bin Smail 2009. *Pendekatan Kaedah Bimbingan Secara Individu Dan Penggunaan Kad Suku Kata ("Kv+Kv") Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Perkataan Dua Suku Kata Terbuka Bahasa Melayu Murid Tahun Empat*. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Bahasa Melayu amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms 112-125.
- Roziyah Abd Hamid 2005. *Meningkatkan kemahiran murid tahun 1 dalam mengenal dan menulis abjad A hingga Z melalui pengajaran berteraskan pra sekolah (Pengenalan Abjad)*.
- Roziyah B. A. H 2005. *Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid-Murid Tahun 1 Dengan latih Tubi Menggunakan Suku Kata dan Kad Bergambar*. Prosiding Seminar IPBA. Hlm 92-99.
- Ruhaida 2005. *Meningkatkan kemahiran murid tahun 1 dalam mengenal dan menulis abjad A hingga Z melalui pengajaran berteraskan pra sekolah (Pengenalan Abjad)*. Di akses pada Januari 2016 dari <http://pdfqueen.com/pdf/sp/soalan-tahun-satuMorgan>,
- C.T & King, R.A. 1975. *Introduction To Psychology*. New York: McGraw-Hill
- Sabitha Marican. 2006. *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Schensul, S., Schensul, J. Lecomple, M. 1999. *Essential Ethnographic Method: Obeservation, Interviews and questionnaires*. London: Altamira press.

LAMPIRAN A

نام : تاهون : اوجين : دياكنوستيك

فادنكن كمير دغن فر كاتاءن يغ بتول.

فيترونس



1

كومقوتر



2

سليشر



3

قمادم



4

ترومقه



5

LAMPIRAN A

روميکن فرکاتاءن سوکو کات تربوک دان تروتوتوف بریکوت:

<p>8. دادو □</p> <p>_____</p>	<p>7. کاسوت □</p> <p>_____</p>	<p>6. جورى □</p> <p>_____</p>
<p>11. ساييت □</p> <p>_____</p>	<p>10. کوتوق □</p> <p>_____</p>	<p>9. کامت □</p> <p>_____</p>
<p>14. کاتق □</p> <p>_____</p>	<p>13. ايتيق □</p> <p>_____</p>	<p>12. کوپيت □</p> <p>_____</p>
<p>15. لافن □</p> <p>_____</p>		

LAMPIRAN A

□ سوايکن فرکاتاءن دغن جوفن يث بتول:

Gulung □

16. توجوه □

Tujuh □

17. جنازه □

Jubah □

18. كولوغ □

Jenazah □

19. جوبه □

Durian □

20. دورين □

*LAMPIRAN B (i)***BORANG PEMERHATIAN**

Nama Pemerhati :

Tarikh :

Bil	Item	Sebelum	
		Ya	Tidak
1	Murid bersedia untuk memulakan pembelajaran sejurus guru memasuki kelas.	0	6
2	Murid memberi perhatian terhadap pengajaran guru.	2	4
3	Murid mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan.	2	4
4	Guru menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik dan sistematik.	0	6
5	Murid dapat membaca perkataan dengan lebih mudah.	0	6

BORANG PEMERHATIAN

Nama Pemerhati :

Tarikh :

Bil	Item	Selepas	
		Ya	Tidak
1	Murid bersedia untuk memulakan pembelajaran sejurus guru memasuki kelas.	6	0
2	Murid memberi perhatian terhadap pengajaran guru.	6	0
3	Murid mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan.	6	0
4	Guru menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik dan sistematik.	6	0
5	Murid dapat membaca perkataan dengan lebih mudah.	6	0

*LAMPIRAN C***BORANG PEMERHATIAN (REKOD ANEKDOT)**

Nama Murid :

Umur :

Tarikh :







Masa :

Aspek :








Bil	Catatan	Ulasan

LAMPIRAN D

نام: _____ کلس: _____ اوجين: _____
 روميکن فر کاتاءن سوکو کات تربوک دان ترتوتوف دباوه:



LAMPIRAN D



LAMPIRAN E





نام: _____ کلاس: _____ اوجین: _____



تولیسکن فرکاتاءن یغ سسواي برداسرکن کمبر:

	کیفس	کاسوت	تراتاي
کاجوس	سروناي	باسيکل	لاير
	چنداون	فایوغ	کومقوتر



LAMPIRAN E



LAMPIRAN E

*LAMPIRAN F***BORANG / SOALAN TEMU BUAL**

Soalan 1 : Bagaimanakah perasaan awak belajar Jawi menggunakan kad imbasan bergambar?

Responden	Jawapan
R1	
R2	
R3	
R4	
R5	
R6	

Soalan 2 : Adakah belajar dengan menggunakan kad imbasan bergambar ini dapat membantu kamu mengingati perkataan yang dipelajari?

Responden	Jawapan
R1	
R2	
R3	
R4	
R5	
R6	

LAMPIRAN F

Soalan 3 : Bagaimana pembelajaran dengan menggunakan kad imbasan bergambar dapat membantu kamu membaca suku kata terbuka dan tertutup?

Responden	Jawapan
R1	
R2	
R3	
R4	
R5	
R6	

Soalan 4 : Jika saya menggunakan kad imbasan bergambar, adakah ia akan membantu kamu membaca suku kata terbuka dan tertutup Jawi?

Responden	Jawapan
R1	
R2	
R3	
R4	
R5	
R6	

LAMPIRAN F

Soalan 5 : Adakah pembelajaran menggunakan kad imbasan bergambar dapat meningkatkan motivasi dan minat kamu untuk belajar Jawi?

Responden	Jawapan
R1	
R2	
R3	
R4	
R5	
R6	